

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang

Deklarasi oleh para ulama ummah mengenai apa yang harus dilakukan oleh umat Islam dan pemerintah mereka untuk membantu rakyat Palestin dan Gaza

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Tiada permusuhan melainkan terhadap orang-orang zalim. Selawat dan salam sentiasa tercurah ke atas Rasul yang mulia, pembantu golongan yang lemah, Nabi Muhammad SAW dan kepada seluruh keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud: "Dan perangilah orang-orang musyrik itu semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semuanya. Dan ketahuilah bahawa Allah beserta orang-orang yang bertakwa." (Surah at-Tawbah, ayat 36)

Deklarasi ini ditandatangani oleh ulama-ulama dari negara-negara Islam, dalam pelbagai kapasitinya (secara peribadi atau perjawatan, melalui majlis-majlis, badan-badan ilmiah, dan jawatankuasa fatwa) menggesa umat Islam di seluruh dunia untuk menyokong rakyat Palestin dan mengangkat kepungan ke atas Gaza, di mana penduduknya telah menderita selama beberapa bulan akibat kemusnahan yang berlaku.

Pertama: Tanggungjawab Pemerintah

Dalam konteks pengepungan yang berlarutan yang dikenakan oleh Zionis dan sekutunya yang diketuai oleh Amerika Syarikat, terhadap rakyat Gaza dengan menghalang mereka daripada mendapat makanan, ubat-ubatan, air, dan keperluan asas lain dengan niat untuk membenamkan mereka ke dalam kematian, para penandatangan Deklarasi ini menegaskan bahawa segala penderitaan yang dialami oleh rakyat Gaza, baik dari segi nyawa mahupun harta, adalah sepenuhnya atas tanggungjawab pemerintah Arab dan Muslim. Mereka dianggap terlibat dengan perbuatan ini.

Di hadapan Allah kelak, mereka akan diminta pertanggungjawaban atas keterlibatan mereka kecuali jika mereka menunjukkan kemarahan yang ikhlas kerana Allah, Rasulnya, dan sesama muslim serta mengambil langkah wajar seolah-olah kerajaan mereka yang telah dizalimi. Langkah tersebut seperti mengutuk dengan keras, mengancam untuk memutuskan hubungan, memanggil pulang duta, serta mengkaji semula perjanjian ekonomi dan antarabangsa, dan lain-lain.

Jika mana-mana pemerintah gagal mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi menentang musuh Zionis dan penyokong-penyokongnya, dan itulah tindakan paling rendah yang perlu dilakukan, mereka dikira menjadi sebahagian daripada pembunuhan yang berlaku terhadap orang-orang yang tidak bersalah di Gaza dan Palestin. Ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang sahih: "Ada tiga golongan yang Allah tidak akan berbicara dengan mereka pada hari kiamat, dan tidak menyucikan mereka dan bagi mereka siksa yang pedih; antaranya adalah seorang lelaki di tepi jalan yang memiliki air yang lebih, tetapi dia

menghalang orang yang kehausan daripada menggunakannya." [Diriwayatkan oleh Muslim: 108]

Qadhi Iyad, dalam *Ikmal al-Muallem*, menjelaskan lagi tentang pertanggungjawaban ini: "Kerana dia menghalang orang daripada haknya ... dan mendedahkannya kepada bahaya, maka dia sama seperti pembunuhan."

Kedua: Tanggungjawab Ulama

Para ulama di mana sahaja mereka berada di bumi Islam, mempunyai kewajipan untuk menunaikan amanah yang diberikan kepada mereka oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Kami turunkan kepada kamu peringatan (Al-Quran) supaya kamu menjelaskannya kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan jangan menyimpan/menyembunyikannya!"

Mereka wajib mengelakkan pengekalan ilmu yang akan menyebabkan fitnah. Allah telah menakutkan mereka dengan firman-Nya yang bermaksud: "Orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan daripada keterangan-keterangan yang menjelaskan (kebenaran) dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Al Kitab, mereka itu dilaknat Allah dan dilaknat (oleh) seluruh yang boleh melaknat."

Pada masa-masa genting ini, para ulama tidak boleh takut akan teguran dari pengkritik ketika menyampaikan pesan dan seruan untuk jihad. Jihad ini penting bertujuan untuk membebaskan Tanah Suci di Palestin, dengan menggunakan nyawa dan harta. Para ulama juga harus menggalakkan umat Islam untuk memboikot produk-produk dari syarikat-syarikat yang menyokong musuh. Ini harus menjadi tema dalam pengajaran mereka, pernyataan-pernyataan mereka, dan majlis-majlis ilmiah mereka. Sesungguhnya, ini adalah ketaatan kepada firman Allah yang bermaksud: "Dan suruhlah (manusia) mengerjakan kebajikan. Mudah-mudahan Allah menolak kezaliman orang-orang yang kafir itu. Dan Allah amat berat siksa-Nya."

Ketiga: Kewajipan Individu Kaya dan Perniagaan

Jihad memerlukan sumber kewangan yang besar untuk peralatan, senjata, dan perbelanjaan lain. Mereka yang mengorbankan nyawa mereka di Palestin menunaikan kewajipan yang ada pada setiap Muslim. Jika seorang individu tidak dapat terlibat secara langsung dalam jihad fizikal, kewajipan untuk menyokong secara kewangan tetap ada. Sebarang jumlah wang yang disumbang tidak dapat dibandingkan dengan pengorbanan nyawa seseorang. Namun, bagi mereka yang mampu menyumbangkan secara kewangan, Allah tetap memberi ganjaran kepada mereka seolah-olah mereka adalah sebahagian mujahidin. Seperti yang disabdakan oleh Nabi, semoga Allah melimpahkan rahmat dan salam ke atasnya: "Barangsiapa membantu persiapan untuk saudara-saudaranya yang berjuang di jalan Allah, maka dia telah berjuang (mendapat ganjaran)." [Diriwayatkan oleh Muslim: 1895]

Keempat: Tanggungjawab Petugas Media

Petugas media mesti menggunakan pena dan platform mereka melalui saluran televisyen, halaman dan siaran, serta media sosial untuk membangkitkan sokongan terhadap mujahidin di Gaza dan Palestin. Sokongan melalui kata-kata adalah sebahagian daripada jihad yang Allah Ta'ala telah perintahkan dalam Al-Quran. Seperti firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud: "Dan berjuanglah melawan mereka dengan Al-Quran dalam jihad yang sangat

besar." Allah juga berfirman maksudnya: "Wahai Nabi, kerahkan orang-orang beriman untuk berperang."

Rasulullah SAW bersabda "Perangilah orang-orang musyrik dengan harta kamu, nyawa kamu dan lidah kamu!" [Al-Mustadrak: 2427]

Kelima: Kewajiban Muslim secara umum mengenai Palestin

Palestin bukan hanya milik penduduknya; sebaliknya, ia adalah masalah setiap Muslim. Setiap Muslim akan ditanya: "Apakah yang telah kamu lakukan untuk membela tempat Isra' Nabi kamu dan membebaskannya dari Yahudi dan penjajah salib?" Oleh itu, adalah menjadi kewajipan semua Muslim—samada Arab atau bukan Arab—untuk berdiri bersama rakyat Palestin dengan segala yang mereka miliki, termasuk boikot terhadap syarikat-syarikat yang menyokong entiti Zionis. Muslim hendaklah menahan diri daripada membeli produk daripada syarikat-syarikat yang menyokong entiti Zionis. Ini termasuk barang dan keperluan hidup yang tidak mendesak, terutamanya dalam hal barangan mewah dan barang yang ada alternatif. Setiap dollar yang dibelanjakan untuk syarikat-syarikat yang menyokong Zionis, sama seperti peluru yang membunuh seorang Muslim, menjadikan mereka yang membayar dolar seperti itu sebahagian daripada musuh yang membunuh Muslim.

Muslim juga harus menyertai demonstrasi berskala besar di lapangan umum dan di hadapan kedutaan negara-negara yang menyokong entiti Zionis, untuk menyatakan protes mereka terhadap sokongan golongan tadi kepada Zionis dengan wang dan senjata, serta sokongan mereka di forum-forum antarabangsa untuk membatalkan sebarang kecaman atau hukuman terhadap Palestin.

Semua tindakan tersebut - demonstrasi dan boikot terhadap syarikat-syarikat yang menyokong musuh - adalah sebahagian daripada jihad di mana ganjaran besar diberikan, kerana ia mampu mengancam musuh. Allah berfirman maksudnya: "Setiap kali mereka menimbulkan kerosakan kepada musuh, ia dicatat untuk mereka sebagai amal yang baik. Sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran orang-orang yang berbuat baik."

Semoga Allah memberkati dan memberi salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, dan sahabat-sahabatnya.

Isnin, 9 Muharram 1446 Hijrah bersamaan dengan 15/07/2024

Senarai Penandatanganan Deklarasi

Institusi:

- Libyan Fatwa House (Dar Al-Iftaa – Libya)
- Sharia Research and Studies Council, Ifta House – Libya
- Palestine Scholars Association
- Scholars Forum
- Association of Muslim Scholars
- Libyan Scholars Association
- Association of Algerian Muslim Scholars
- Association of Imams, Preachers and Doat of Iraq
- Nahdat Ulema Yemen Association
- Union of Islamic Scholars and Schools in Türkiye
- Zawia of Sheikh Sayed Al-Mukhtar Al-Kanti, Nouakchott
- The International Organization of Supporters of the Prophet
- Association of Eritrean Scholars
- The General Union of Qadiri Zawiyas and Bodies with Kantian Sindhi, in Africa.
- Islamic gathering in Senegal
- One nation body
- Palestine Doats Forum
- Association of Qadiriyya Kantiya Scholars in Africa
- The Iraqi Coalition to Support Al-Aqsa
- Council of Doats in Lebanon
- Mauritanian Islamic Forum
- Al-Quds Foundation, South Africa
- Union of Kantian Love Zawyes in Sékou, Mali
- Malaysian Scholars Association
- Trustees of Al-Aqsa Foundation for Doats and Sharia graduates
- Association of Muslim Scholars in Lebanon
- Justice and Development Front, Algeria

Ulama / Ilmuwan Antarabangsa:

- Sheikh Dr. Al-Sadiq ben Abdul Rahman Al-Gharyani, Grand Mufti of Libya
- Sheikh Mohamed Al-Hassan Ould Al-Dado, Head of the Scholars Training Center
- Sheikh Dr. Qadi Mohammed Taqi Al-Usmani, Mufti of Pakistan
- Sheikh Dr. Mohammed Al-Saghir, Chairman of the International Organization for Supporters of the Prophet, peace and blessings be upon him
- Sheikh Dr. Abdul Hay Youssef, Dean of the Ansar Al-Nabi Academy, peace and blessings of Allah be upon him
- Sheikh Dr. Wasfi Ashour Abu Zaid, professor of the principles of jurisprudence and the objectives of Islamic law
- Sheikh Dr. Mohammed Yusri, Vice President of the Association of Muslim Scholars
- Sheikh Sami Al-Saadi, Secretary General of the Libyan Fatwa House
- Sheikh Dr. Mahmoud Saeed Al-Shajarawi, Secretary of the Al-Quds Department of the Palestine Scholars Association

- Sheikh Dr. Essam Al-Sari, member of the Research Council at Dar Al-Iftaa, Libya
- Sheikh Mullah Anwar Al-Farqini, President of the Union of Islamic Scholars and Schools in Türkiye
- Sheikh Mullah Abdul Quddus Al-Hilmi, Vice President of the Union of Islamic Scholars and Schools in Türkiye
- Sheikh Suad Yassin, Vice President of the Union of Islamic Scholars and Schools in Türkiye
- Sheikh Dr. Abdul Rahman Qaddu, member of the Research Council at Dar Al-Iftaa, Libya
- Sheikh Dr. Abdul Jabbar Saeed, Vice President of the Palestine Scholars Association
- Sheikh Dr. Abdullah bin Abdul Majeed Al-Zindani, Nahdlat Ulema Association of Yemen
- Sheikh Mullah Mohammed al-Hajjati, Secretary-General of the Union of Islamic Scholars and Schools in Türkiye
- Sheikh Dr. Hassan Salman, member of the Supreme Council of the League of Muslim Scholars
- Sheikh Saeed Mahmoud Al-Lafi, President of the Association of Imams, Preachers and Doats of Iraq
- Sheikh Suhail Al-Gharyani, Vice Dean of the College of Sharia Sciences and Fatwa, Libya
- Sheikh Saleh Omar Cisse, Secretary-General of the Mohammed VI Foundation of African Oulema, Sierra Leone Branch
- Sheikh Sidhi Konta, Mali
- Sheikh Burhan Saeed, President of the Association of Eritrean Scholars
- Sheikh Bab al-Khalifa, Secretary-General of the Kanti Zawya and the Scholars Association
- Sheikh Dr. Ibrahim Muhanna, member of the Executive Office of the Palestine Scholars Association
- Sheikh Dr. Hussein Abdel-Al, One Nation Body
- Sheikh Dr. Salman Al-Saudi, Secretary of the Palestine Doats Forum
- Sheikh Syed Omar Syedna, Sheikh of the Zawya of Sheikh Syed Al-Mukhtar Al-Kunti
- Sheikh Dr. Abu Bakr Al-Issawi, the Iraqi Coalition to Support Al-Aqsa
- Sheikh Dr. Mohammed Hammam Saeed, member of the Executive Office of the Palestine Scholars Association and head of the Mi'raj Center
- Sheikh Dr. Yahya Al-Taie, university professor
- Sheikh Dawood Imran Malasa Abu Saifullah, President-General of the Muslim Cooperation Group in Nigeria, and Grand Mufti of Yoruba Country
- Sheikh Dr. Jamal Abdel Sattar, member of the Board of Trustees of the International Union of Muslim Scholars
- Sheikh Ahmed Al-Hasani Al-Shanqeeti, Mauritanian Islamic Forum
- Sheikh Mahmoud Kuma, member of the Supreme Islamic Council, Mali
- Sheikh Dr. Zafarul Islam Khan, Chairman of the All India Muslim Consultation Council and former Chairman of the Minorities Commission, Delhi (India)
- Sheikh Dr. Ahmed Abdel-Wahab Al-Baynenjwani, Erbil
- Sheikh Muhammad Khair Musa, member of the Executive Office of the Palestine Scholars Association
- Sheikh Dr. Mohammed Ayyad Abdul Latif Omar, Al Mahaldeep Foundation, Maldives
- Sheikh Mohammed Thamer Al-Asafi, the Iraqi Coalition to Support Al-Aqsa

- Sheikh Ali Al-Yousef, Chairman of the AlQuds Committee of the Palestine Scholars Association
- Sheikh Dr. Ali Halitem, Director of the Shehab Center for Research and Studies, Algeria
- Sheikh Dr. Safwat Mustafa Halilovic, University Professor, Bosnia and Herzegovina
- Sheikha Dr. Naziha Amarij, Professor of Higher Education, Mohammed I University, Oujda, Morocco
- Sheikh Dr. Mohammed Haroun Al Khatibi, Member of the Board of Trustees of the International Union of Muslim Scholars
- Sheikh Abdullah Djaballah, Algeria
- Sheikh Mukhles Barzeq, member of the Palestinian Scholars Association
- Sheikh Dr. Abdul Majeed Abdullah Dayyeh, Professor of Jurisprudence and its Principles, University of Jor